



CONFIRM RUGI KALAU TAK BACA

**BAHAN BACAAN HADAPI SOALAN ESEI
BAHAGIAN B
PENDIDIKAN MORAL SPM KSSM 2021**



**KOMPILASI INI
UNTUK KEGUNAAN MURID-MURID
SMK METHODIST TELOK DATOK , BANTING
DAN EDARAN DALAMAN SAHAJA.**



INISIATIF.....

**V.T. SURESH
GURU MATA PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL**



KANDUNGAN

BIL	ISU	PAGE
1.	Langkah popularkan permainan tradisional.	1
2.	Kebaikan perkhidmatan penghantaran makanan.	2
3.	Kesan pengabaian pembelajaran atas talian.	3
4.	Manfaat pembelajaran atas talian kepada murid dan guru.	4
5.	Cabaran pelaksanaan pembelajaran atas talian.	5
6.	Penggunaan gajet di meja makan.	6
7.	Punca-punca berlakunya kes pembuangan bayi.	7
8.	Usaha atasi kes pembuangan bayi.	8
9.	Kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap kanak-kanak.	9
10.	Peranan pelbagai pihak tangani kes penderaan kanak-kanak.	10
11.	Punca-punca penderaan kanak-kanak.	11
12.	Kesan pengabaian tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara.	12
13.	Cara memupuk integriti keluarga.	13
14.	Cara kerajaan membendung isu pemerdagangan manusia.	14
15.	Bantuan kepada golongan gelandangan.	15
16.	Kesan pengabaian kebebasan bercakap dan bersuara.	16
17.	Sebab kajian kepuasan pelanggan perlu dilakukan.	17
18.	Langkah-langkah kerajaan promosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.	18
19.	Pengambilan pekerja OKU.	19
20.	Peranan merealisasikan tema alam sekitar tanggungjawab bersama.	20
21.	Keunikan program rumah terbuka.	21
22.	Langkah pengguna elakkan diri jadi mangsa penipuan pembelian atas talian.	22
23.	Berhemah ketika menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat di ruang siber.	23
24.	Keunikan rakyat Malaysia dalam menerima sambutan perayaan pelbagai kaum.	24

PERMAINAN TRADISIONAL

- 1 Gambar berikut menunjukkan beberapa jenis permainan tradisional yang semakin dilupakan oleh masyarakat hari ini.



Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional seperti tingting, layang-layang, galah panjang, sepak raga, gasing dan sebagainya. Permainan ini amat popular pada suatu masa dahulu. Namun begitu, permainan ini semakin dilupakan oleh masyarakat sejak kemunculan pelbagai peranti elektronik yang canggih. Masyarakat hari ini lebih gemar bermain permainan video berbanding dengan permainan tradisional. Mereka tidak menyedari bahawa permainan tradisional merupakan khazanah warisan yang perlu dipelihara.

Pada pendapat anda, apakah **langkah mempopularkan** semula **permainan tradisional** agar tidak ditelan zaman? Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang telah dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai rasional.[1]
Nilai bertanggungjawab.[1]
Nilai kerjasama.[1]

Ibu bapa perlu kenalkan permainan tradisional kepada anak-anak mereka.[1]
Ibu bapa boleh hadiahkan alat permainan tradisional seperti papan congkak.[1]
Ibu bapa perlu bawa anak-anak mereka ke pameran permainan tradisional.[1]

Kerajaan dan **NGO** perlu anjur pertandingan permainan tradisional.[1]
Contoh, buat pertandingan kabaddi daerah, negeri dan kebangsaan.[1]

Kerajaan harus beri dana kepada penggiat permainan tradisional di seluruh negara.[1]
Contoh, kerajaan pusat dan kerajaan negeri boleh memperuntukkan dana kepada Kelab Sepak Raga untuk promosi permainan sepak raga.[1]

Pihak media boleh popularkan semua permainan tradisional melalui media cetak dan media elektronik.[1]
Contoh, stesen televisyen boleh buat dokumentari permainan tradisional seperti wau, batu Seremban, gasing dan sebagainya.[1]

PERKHIDMATAN PENGHANTARAN MAKANAN

- 2 Gambar yang berikut berkaitan perkhidmatan penghantaran makanan yang kini menjadi trend dan merupakan sebahagian **amalan norma masyarakat** dalam kalangan masyarakat di Malaysia.



Sejauh manakah perkhidmatan penghantaran makanan ini dapat memberikan **kebaikan kepada pihak yang menyediakan perkhidmatan penghantaran makanan** dan juga para **pelanggan**?

Jawapan anda perlulah disokong dengan **nilai-nilai universal** yang dipelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai rasional.[1]

Nilai bertanggungjawab.[1]

Nilai kerajinan.[1]

Nilai berdikari.[1]

Kebaikan perkhidmatan ini adalah membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.[1]

Perkhidmatan ini dapat menambah sumber pendapatan individu dan keluarganya.[1]

Perkhidmatan ini dapat melatih golongan muda untuk mencari sumber kewangan tambahan sambil belajar.[1]

Hal ini bantu mereka biayai kos pengajian tinggi tanpa bergantung kepada ibubapa mereka.[1]

Perkhidmatan ini dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos pelanggan untuk beli makanan.[1]

Pelanggan dapat pilih dan beli pelbagai jenis makanan dan minuman dengan mudah menerusi aplikasi di telefon pintar mereka.[1]


Pelanggan tidak perlu keluar rumah, pandu kereta, terperangkap dalam kesesakan lalulintas atau berhempas pulas cari tempat letak kereta.[1]

Perkhidmatan ini dapat kurangkan beban pelanggan wanita bekerja. [1]

Misalnya wanita yang tidak sempat sediakan makanan untuk anggota keluarga mereka boleh buat pesanan makanan dengan mudah.[1]

PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN [BAHAGIAN 1]

- 3 Gambar berikut menunjukkan contoh **norma masyarakat** baharu yang mula dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam sistem pendidikan negara iaitu pembelajaran secara atas talian.



Pelaksanaan pembelajaran secara atas talian telah lama dipraktikkan di negara-negara maju kerana ia dipercayai mampu membawa pelbagai manfaat. Namun di Malaysia pelaksanaan pembelajaran secara atas talian hanya menjadi keperluan mendesak ketika negara bergelut dengan masalah penularan pandemik Covid-19 yang amat meruncing.

Apakah yang akan terjadi **sekiranya pembelajaran secara atas talian ini diabaikan oleh murid-murid** semasa tempoh penularan Covid-19. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang telah dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai rasional.[1]

Nilai bertanggungjawab.[1]

Nilai kerajinan.[1]

Nilai berdikari.[1]

Murid akan ketinggalan dalam pelajaran.[1]

Murid tidak dapat fahami isi kandungan pelajaran mereka.[1]

Hal ini akan rumitkan tugas guru kerana terpaksa ulang kembali pelajaran yang tertinggal dan tidak difahami oleh murid berkenaan.[1]

Akhirnya, murid tidak dapat jawab soalan peperiksaan dengan baik. [1]

Natijahnya, pencapaian akademik murid berkenaan merosot. [1]

Hal ini seterusnya akan menyumbang ke arah kemerosotan pencapaian akademik sekolah mereka secara keseluruhannya. [1]

Imej murid akan tercalar kerana tidak mengambil inisiatif untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian. [1]

Murid berkenaan akan hilang kelayakan untuk buat permohonan untuk lanjutkan pelajaran mereka. [1]

Masyarakat sekeliling akan pandang rendah terhadap murid berkenaan dan sering melabel mereka sebagai sampah masyarakat. [1]

Masa depan murid berkenaan akan terjejas. [1]

Masyarakat juga akan pandang serong terhadap ibu bapa atau penjaga murid kerana tidak laksanakan tanggungjawab mereka. [1]

PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN [BAHAGIAN 2]

- 4 Gambar berikut menunjukkan contoh **norma masyarakat** baharu yang mula dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam sistem pendidikan negara iaitu pembelajaran secara atas talian.



Pelaksanaan pembelajaran secara atas talian telah lama dipraktikkan di negara-negara maju kerana ia dipercayai mampu membawa pelbagai manfaat. Namun di Malaysia pelaksanaan pembelajaran secara atas talian hanya menjadi keperluan mendesak ketika negara bergelut dengan masalah penularan pandemik Covid-19 yang amat meruncing.

Huraikan **manfaat pembelajaran secara atas talian kepada murid dan guru sekolah**. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang telah dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai rasional.[1]
Nilai bertanggungjawab.[1]
Nilai kerajinan.[1]
Nilai berdikari.[1]

Platform pembelajaran atas talian seperti Google Classroom berfungsi sebagai talian hayat kepada murid dan guru sekolah. [1]

Ia dapat pastikan proses pengajaran dan pembelajaran terus berjalan ketika PKP.[1]

Guru dapat pastikan murid mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran terutamanya mereka yang akan duduki peperiksaan awam. [1]

Pembelajaran dalam talian lebih menarik bagi murid kerana ia berbentuk multimedia iaitu gabungan teks, grafik, bunyi, video dan animasi. [1]

Gabungan multimedia memudahkan pembelajaran semua kategori murid walaupun mereka miliki gaya pembelajaran berbeza tidak kira murid auditori, murid visual atau murid kinestetik. [1]

Pembelajaran dalam talian juga sediakan persekitaran pembelajaran yang lebih fleksibel kepada murid dan guru.[1]

Ini lebih mudah berdasarkan prinsip just-in-time, anywhere dan anytime asalkan ada gajet seperti telefon pintar, komputer riba dan talian internet.[1]

Murid juga boleh memanfaatkan penggunaan e-buku yang boleh dimuat turun secara langsung dari alam maya.[1]

Murid boleh rakam atau rekod pengajaran guru dalam kelas maya. [1]

Setelah itu, murid boleh mainkan semula rakaman yang terdapat dalam talian secara berulang kali sehingga mereka benar-benar faham isi kandungan pelajaran. [1]

Pengulangan dapat bantu murid kekalkan isi kandungan pelajaran dalam ingatan buat jangka masa panjang. [1]

Murid dan guru dapat kemaskini pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.[1]

Murid dan guru boleh membina akaun aplikasi berkaitan dengan pendidikan atas talian seperti Google Classroom, Zoom, Google Meet, Google Form, Youtube dan sebagainya.[1]

Guru dan murid boleh belajar buat persembahan 'powerpoint'. [1]

Guru boleh gunakan kaedah penilaian digital seperti kuiz maya, demonstrasi maya, penceritaan digital, video pembentangan dan sebagainya untuk menilai tahap pembelajaran murid. [1]

Ini dapat membantu melahirkan murid dan guru celik IT. [1]

PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN [BAHAGIAN 3]

5 Maklumat di bawah berkaitan dengan norma masyarakat yang baharu.

Pembelajaran atas talian menjadi sesuatu yang tidak asing lagi buat kita semenjak wabak Covid-19 melanda dunia, malah diklasifikasi sebagai norma masyarakat yang baharu. Platform untuk menjalankan pembelajaran atas talian terlalu banyak, namun untuk melaksanakannya tak semudah yang kita sangka.

Terangkan **kekangan** atau **cabaran pelaksanaan pembelajaran atas talian** di Malaysia. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai-nilai universal yang telah dipelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai rasional.[1]

Nilai bertanggungjawab.[1]

Nilai kerajinan.[1]

Nilai keberanian.[1]

Ketiadaan peranti ketika pembelajaran atas talian. [1]

Ibu bapa penjaga yang berpendapatan rendah tidak mampu untuk beli peranti untuk semua anak mereka yang bersekolah. [1]

Lantas, anak-anak mereka perlu kongsi peranti secara bergilir-gilir untuk sertai kelas atas talian.[1]

Kesukaran capaian kemudahan internet. [1]

Ibu bapa atau penjaga yang berpendapatan rendah alami kesukaran keluarkan wang untuk naik taraf kelajuan internet di rumah. [1]

Ini ditambah dengan murid yang tinggal di kawasan kampung dan pedalaman yang tidak mempunyai capaian internet yang baik. [1]

Persekitaran pembelajaran di rumah yang kurang kondusif. [1]

Murid kurang berkemampuan yang tinggal di rumah yang sempit dan perlu kongsi bilik bersama adik beradik, suasana riuh di rumah menyebabkan mereka sukar beri tumpuan ketika sesi pembelajaran atas talian dijalankan. [1]

Kekurangan kemahiran dalam kalangan warga pendidik dalam bidang teknologi digital.[1]

Lantas, ia mengambil masa yang agak lama bagi guru yang kurang mahir dengan aplikasi atas talian untuk sediakan bahan mengajar lengkap yang mampu menarik perhatian murid. [1]

Sikap murid yang negatif ketika sesi pembelajaran atas talian. [1]


Komitmen murid untuk hadir kelas dalam talian adalah rendah. [1]

Murid sengaja mematikan kamera dan membuat kerja lain. [1]

Murid juga tidak beri tumpuan ketika guru mengajar dan kurang beri respons. [1]

SUASANA DI MEJA MAKAN

- 6 Gambar di bawah berkaitan dengan perubahan norma masyarakat di meja makan.



Raja dan Rani sering bermain gajet di meja makan.

Apakah **perasaan** anda selepas melihat suasana di atas? Berikan **justifikasi** anda.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

Sedih. [1] Justifikasi saya.

Anak-anak tidak patuhi adab di meja makan. [1]

Anak-anak sepatutnya fahami dan amalkan norma ketika berada di meja makan. [1]

Anak-anak patut berdisiplin dan beri perhatian ketika makan bersama anggota keluarga yang lain. [1]

Anak-anak patut hormati ahli keluarga lebih tua dan bantu mereka ambil makanan terlebih dahulu. [1]

Bila asyik guna gajet, mereka gagal untuk beri perhatian kepada individu yang berada di sekitar mereka. [1]

Hal ini akan mengurangkan interaksi dengan anggota keluarga yang lain. [1]

Anak-anak akan mula bersikap individualistik. [1]

Hal ini berupaya merenggangkan hubungan kekeluargaan. [1]

Ibu bapa perlu tegas dan tetapkan peraturan larangan guna gajet di meja makan. [1]

Ibu bapa perlu didik anak-anak dan jadi suri teladan dengan guna ajet ikut kesesuaian masa dan tempat. [1]

KES PEMBUANGAN BAYI [BAHAGIAN 1]

- 7 Kes pembuangan bayi merupakan satu bentuk penganiayaan terhadap kanak-kanak. Pada pendapat anda, apakah **punca-punca berlakunya kes pembuangan bayi?**

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai rasional. [1]

Nilai bertanggungjawab.[1]

Nilai kasih sayang.[1]

Nilai kepercayaan kepada Tuhan. [1]

Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.[1]

Perempuan mengandung anak luar nikah. [1]

**Pasangan muda tidak fikir secara matang dan takut
maka bertindak buang bayi. [1]**

**Bayi yang dilahirkan cacat maka dibuang selepas
dilahirkan. [1]**

**Pasangan ibu bapa muda menghadapi masalah
kesempitan wang. [1]**

Kekurangan didikan agama di kalangan mereka. [1]

Mereka tidak takut pada balasan Tuhan dan dosa. [1]

Mereka tiada sifat berperikemanusiaan. [1]

KES PEMBUANGAN BAYI [BAHAGIAN 2]

- 8 Kes pembuangan bayi di Malaysia terutamanya dalam kalangan remaja, masih berleluasa walaupun kita sudah memasuki 2020.

Terangkan **usaha** yang perlu dilakukan **untuk mengatasi** isu sosial ini sebelum ianya menjadi lebih serius.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai rasional. [1]

Nilai bertanggungjawab.[1]

Nilai kasih sayang.[1]

Nilai harga diri. [1]

Nilai kepercayaan kepada Tuhan. [1]

Ibu bapa perlu beri kasih sayang dan belaian yang secukupnya kepada anak-anak mereka.[1]

Ibu bapa perlu luangkan masa berkualiti dengan anak-anak mereka. [1]

Langkah ini dapat eratkan hubungan antara anak-anak dengan ibu bapa. [1]

Hal ini dapat menghalang anak-anak daripada melakukan aktiviti tidak berfaedah di luar pengetahuan ibu bapa. [1]

Ibu bapa perlu beri didikan agama yang sempurna kepada anak-anak mereka.[1]

Didikan agama berfungsi sebagai benteng yang ampuh untuk elakkan anak-anak terjebak dalam kancah maksiat dan mengandung anak luar nikah. [1]

Ibu bapa perlu prihatin terhadap kehidupan sosial anak-anak.

Ibu bapa seharusnya mengetahui dan memastikan dengan siapa anak mereka berkawan. [1]

Ibu bapa tidak seharusnya membiarkan anak-anak tidak kira lelaki atau perempuan mengamalkan pergaulan bebas. [1]

Pihak berkuasa seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat mesti mengadakan kempen kesedaran 'Mencegah Kehamilan Remaja dan Pembuangan Bayi'. [1]

Jabatan Kebajikan Masyarakat dan **badan-badan NGO** perlu sediakan pusat perlindungan yang boleh dijadikan tempat rujukan bagi remaja yang mengandung anak luar nikah untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan yang sewajarnya. [1]

Pihak media massa harus membantu menjayakan kempen kesedaran anjuran pihak berkuasa.[1]

Pihak media massa harus memainkan peranan aktif dalam menghebahkan dan membuat liputan secara besar-besaran tentang kempen pihak berkuasa.[1]

Antaranya mempromosikan poster dan infografik berhubung talian hotline Talian Kasih untuk tangani isu ini secara efektif dan holistik.[1]

Kerajaan perlu memperkenalkan pendidikan seks yang sepadan dengan umur di peringkat sekolah. [1]

Pendidikan seks holistik mampu melambatkan permulaan hubungan seks dan mengurangkan kelakuan seksual berisiko. [1]

PENDERAAN KANAK-KANAK [BAHAGIAN 1]

- 9 Marcapada ini, kes penderaan kanak-kanak semakin mencatatkan angka yang membimbangkan, bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Media massa tidak terlepas daripada memaparkan isu penderaan yang sering dilakukan oleh ibu bapa kandung kanak-kanak itu sendiri.

Ramalkan kesan sekiranya berlaku pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap kanak-kanak dalam kalangan masyarakat kita. [10 markah]

Cadangan Jawapan

Pegangan agama dan nilai moral dalam kehidupan masyarakat menjadi goyah. [1]

Lantas, kes penderaan kanak-kanak akan terus meningkat.[1]

Hak kanak-kanak tidak terbela. [1]

Mangsa akan mengalami kecederaan fizikal pada anggota tubuh badan.[1]

Mangsa akan hidup dalam ketakutan. [1]

Mangsa akan alami tekanan jiwa.[1]

Mangsa akan hilang keyakinan diri. [1]

Penderitaan berterusan akan menyebabkan mangsa alami kemurungan yang agak teruk. [1]


Masa depan kanak-kanak akan terjejas. [1]

Masyarakat akan hidup pentingkan diri sendiri dan tidak ambil tahu hal jiran.[1]

Kesannya, kes penderaan yang berlaku di rumah jiran pun gagal dikesan oleh masyarakat. [1]

PENDERAAN KANAK-KANAK [BAHAGIAN 2]

- 10 Gambar di bawah tentang kes penderaan kanak-kanak.



Huraikan peranan pelbagai pihak dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang kian meningkat. [10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai rasional.[1]

Nilai bertanggungjawab.[1]

Nilai kasih sayang.[1]

Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang untuk melindungi kanak-kanak.[1]

Kerajaan harus menambah hukuman berat kepada pendera. [1]

Kerajaan harus mewajibkan kursus pra-perkahwinan kepada bakal ibu bapa sebelum mendirikan rumahtangga. [1]

Kerajaan dengan kerjasama **NGO** melancarkan kempen kesedaran anti penderaan kanak-kanak.[1]

Kerajaan dengan kerjasama NGO perlu menyediakan rumah kebajikan atau rumah perlindungan bagi melindungi kanak-kanak yang didera dan terabai. [1]

NGO perlu mendidik kanak-kanak dengan pengetahuan cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penderaan seksual. [1]

Masyarakat perlu sertai dan menjayakan kempen kesedaran anjuran kerajaan dan NGO.[1]

Masyarakat perlu berkongsi info kempen kesedaran kepada kenalan rapat melalui media sosial. [1]

Masyarakat perlu berani membuat aduan kepada pihak berkuasa jika mengetahui ada kes penderaan kanak-kanak. [1]

Masyarakat boleh memberi bantuan dengan menyelamatkan kanak-kanak daripada terus didera. [1]

PENDERAAN KANAK-KANAK [BAHAGIAN 3]

- 11 Kanak-kanak merupakan anugerah Tuhan yang amat berharga kepada setiap pasangan suami isteri. Malangnya, sekarang kita sering mendengar pelbagai kes penderaan kanak-kanak yang berlaku di sana sini.

Huraikan pendapat anda, tentang **punca-punca penderaan kanak-kanak.**

[10 markah]

Cadangan Jawapan

Ibu bapa menghadapi tekanan di tempat kerja. [1]

Masalah dan tekanan di tempat kerja di bawa balik ke rumah. [1]

Mereka melepaskan tekanan tersebut ke atas anak-anak mereka yang tidak berdosa.[1]

Kekurangan didikan agama dalam kalangan suami isteri turut jadi punca penderaan kanak-kanak. [1]

Keimanan ibu bapa yang tidak utuh menyebabkan mereka berkelakuan bagai haruan makan anak. [1]

Lantas, mereka sanggup mendera darah daging sendiri dari segi fizikal, emosi dan seksual. [1]

Kesempitan hidup juga menyumbang kepada penderaan kanak-kanak. [1]

Kos sara hidup yang meningkat memaksa ibu bapa kerja siang malam. [1]

Lantas, tugas jaga si anak diserahkan kepada pengasuh. [1]

Terdapat segelintir pengasuh yang tidak berperikemanusiaan bertindak mendera kanak-kanak tersebut atas sebab-sebab tertentu. [1]

Konflik keluarga seperti hubungan yang rapuh antara suami dan isteri ekoran campur tangan pihak luar.[1]

Contohnya, si suami abaikan tanggungjawab keluarga ekoran mendapat kekasih baharu. [1]

Suami dan isteri tak sehaluan akan bercerai dan akan berkahwin lagi, lantas kanak-kanak terpaksa terima ibu tiri dan ayah tiri. [1]

Ketidakterasian kanak-kanak dengan ibu bapa tiri akan mengundang kejadian penderaan kerana kanak-kanak berkenaan bukan anak kandung mereka.[1]

KEDAULATAN NEGARA

- 12 Kedaulatan merupakan perkara asas dalam sesebuah negara. Langkah mempertahankan kedaulatan negara menjadi tanggungjawab setiap warganegara. Kealpaan dan kegagalan mempertahankan kedaulatan negara boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk yang menjejaskan kedudukan negara.

Huraikan **kesan pengabaian tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara.** [10 markah]

Cadangan Jawapan

Kesan pertama, **rakyat Malaysia khususnya anak muda akan lupakan tradisi dan norma masyarakat.** [1]

Anak muda mula agungkan budaya luar. [1]

Contoh, trend anak muda kita minati budaya masyarakat Korea. [1]

Kesan kedua, **perpaduan dan keharmonian rakyat terjejas.**[1]

Rakyat saling bermusuhan akibat terpedaya dengan penularan berita bersifat perkauman melampau di ruang siber.[1]

Kesan ketiga, **aktiviti ekonomi negara terbantut dan pembangunan negara terjejas.**[1]

Apabila ini berlaku, kuasa besar dari luar akan mula hulurkan bantuan dana.[1]

Natijahnya, negara kita terpaksa tunduk kepada syarat yang ditetapkan oleh kuasa besar. [1]

Kesan keempat, **akan berlaku ketidakstabilan politik dalam negara.** [1]

Rakyat terpedaya dengan anasir subversif serta hasutan dari dalam dan luar negara. [1]

Hal ini akan meruntuhkan sistem pemerintahan negara. [1]


Perkara ini mengundang kesan kelima iaitu **kuasa besar dari luar akan ambil kesempatan untuk campur tangan.** [1]

Ini dilakukan dengan menaja parti politik dalaman yang cenderung menyokongnya untuk memenangi pilihan raya. [1]

Dengan ini, kuasa besar capai hasratnya untuk dirikan pengkalan tentera dan uji senjata di kawasan perairan negara. [1]

INTEGRITI KELUARGA

- 13 Gambar di bawah berkaitan dengan keluarga berintegriti.



Integriti keluarga bermaksud pembinaan keluarga yang bahagia, utuh dan penyayang berlandaskan nilai murni. Beri pendapat anda tentang **cara untuk memupuk sikap integriti dalam kalangan anggota keluarga.**

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai kasih sayang.[1]

Nilai toleransi.[1]

Nilai hormat.[1]

Pasangan suami isteri harus miliki kemahiran keibubapaan.[1]

Ibu bapa perlu luangkan masa berkualiti dengan anak-anak mereka.[1]

Ibu bapa perlu jadi suri teladan yang baik.[1]

Anggota keluarga perlu sayangi dan hormati ahli keluarga mereka.[1]

Mereka perlu dengar pendapat dan pandangan ahli keluarga mereka.[1]

Mereka perlu beri layanan adil terhadap setiap ahli keluarga mereka.[1]

Mereka harus sabar dan bertolak ansur dengan kerenah ahli keluarga khususnya golongan muda dan warga tua.[1]

Anggota keluarga harus hargai sumbangan warga tua kepada keluarga.[1]

Mereka harus jaga kebajikan dan keperluan warga tua.[1]

Mereka perlu meraikan hari istimewa ahli keluarga seperti hari lahir.[1]

Anggota keluarga perlu jaga kerahsiaan keluarga.[1]

Anggota keluarga harus hentikan pertelingkahan antara keluarga secara adil.[1]

PEMERDAGANGAN MANUSIA

- 14 Pemerdagangan manusia adalah perdagangan dan perniagaan yang melibatkan pergerakan atau migrasi manusia secara haram. Pengeksploitan pemerdagangan manusia termasuk memaksa orang melakukan pelacuran atau bentuk eksploitasi seks lain, buruh paksa, hamba atau amalan yang sama seperti perhambaan dan pengambilan organ manusia.

Isu ini perlu diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan Malaysia. **Bagaimanakah pihak kerajaan membendung isu ini?**

Berikan hujah anda berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai rasional.[1]

Nilai bertanggungjawab.[1]

Nilai kasih sayang.[1]

Kerajaan harus kuatkuasa undang-undang.[1]

Kerajaan harus kenakan hukuman lebih berat kepada sindiket pemerdagangan manusia.[1]

Kerajaan harus kenakan kawalan keselamatan yang ketat di pintu masuk utama negara.[1]

Kerajaan harus gunakan sistem keselamatan canggih dan berteknologi tinggi di lapangan terbang, di kawasan perairan dan sempadan negara.[1]

Kerajaan harus menjalinkan kerjasama dengan negara jiran untuk menumpaskan aktiviti sindiket. [1]

Kerajaan harus mengadakan kempen kesedaran anti pemerdagangan manusia.[1]


Kerajaan boleh mewartarkan info kempen melalui media sosial dan media massa.[1]

Kerajaan harus jalankan operasi untuk banteras sindiket secara berterusan sepanjang masa.[1]

Kerajaan harus memperketatkan kemasukan pelancong asing dan pendatang asing tanpa izin bagi menutup peluang penyeludupan manusia daripada berlaku di negara kita.[1]

KEPRIHATINAN TERHADAP GOLONGAN GELANDANGAN

- 15 Gambar di bawah menunjukkan golongan gelandangan di ibu kota.



Jelaskan perasaan anda apabila melihat gambar di atas. Berikan **tiga jenis bantuan yang dapat dihulurkan kepada golongan gelandangan.**

Jawapan anda perlu berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

Sedih.

Nilai baik hati.

Nilai kasih sayang.

Nilai bertanggungjawab.

Bantuan keperluan asas.

Kita perlu menyediakan tempat tinggal sementara.

Kita boleh derma makanan dan minuman untuk mereka.

Kita derma pakaian kita.

Kita juga boleh menyediakan kemudahan kesihatan kepada mereka.

Bantuan nasihat dan khidmat kaunseling.

Kita boleh mendalami masalah mereka.

Kita boleh memberi motivasi dan sokongan moral agar mereka dapat mulakan kehidupan baharu.

Peluang pekerjaan.

Kita memberi peluang untuk mereka belajar cari rezeki dan hidup berdikari.

Kita boleh bantu mereka keluar daripada kehidupan yang daif.

HAK BERSUARA

- 16 Pernyataan di bawah berkaitan dengan kebebasan bercakap dan bersuara.



Berdasarkan maklumat di atas, apakah kesan yang akan berlaku sekiranya rakyat mengabaikan kebebasan tersebut? [10 markah]

Cadangan Jawapan

Pengabaian kebebasan bercakap dan bersuara mampu mengundang pelbagai implikasi negatif. [1]

Contoh, penyebaran maklumat palsu tentang individu dalam bentuk penaburan fitnah mampu jejaskan imej si mangsa yang difitnah. [1]

Mangsa akan alami tekanan jiwa. [1]

Mangsa yang lemah semangat akan ancam keselamatan diri sendiri. [1]

Contoh, mangsa bertindak bunuh diri akibat kemurungan yang berpanjangan. [1]

Si mangsa yang kuat semangat akan berasa marah, tindak puas hati dan ini boleh cetuskan pergaduhan. [1]

Penyebaran maklumat yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama boleh gugat perpaduan serta keharmonian rakyat pelbagai kaum. [1]

Hal ini boleh mewujudkan provokasi dan mengapi-apikan sentimen perkauman sehingga cetuskan rusuhan kaum dalam masyarakat berbilang kaum. [1]

Penyebaran maklumat palsu juga digunakan sebagai alat propaganda politik untuk kepentingan parti politik tertentu bagi mencapai agenda mereka. [1]

Maklumat palsu boleh menanamkan sifat kebencian terhadap kerajaan dan golongan pemimpin. [1]

Hal ini boleh cetuskan tunjuk perasaan yang melampau dan menjejaskan tadbir urus pentadbiran negara. [1]

Dengan ini kestabilan dan kedaulatan negara akan tergugat. [1]

Ini seterusnya akan menjejaskan imej dan reputasi negara dipersada antarabangsa. [1]

Penyebaran maklumat palsu dengan niat untuk merosakkan perniagaan orang lain mampu jejaskan kegiatan ekonomi negara. [1]

Pengguna akan takut dan akan membuat pembelian panik. [1]

Hal ini boleh menyebabkan harga barangan meningkat. [1]

PIAGAM PELANGGAN

- 17 Maklumat berikut merupakan Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN TERAS KKM
JANUARI hingga DISEMBER 2021

A) Memastikan Setiap Pelanggan Berpuas Hati Dengan Perkhidmatan Diberikan Dengan:				
SIL	INDIKATOR	BIL		PERATUS MENCAPAI SASARAN
		MENCAPAI SASARAN	KESELURUHAN	
1.	100% Setiap aduan pelanggan yang diterima dibenci maklumi balas awal dalam tempoh 1 hari bekerja dari tacikil aduan diterima	8,846	8,846	100.00%
2.	Sekurang-kurangnya 90% liputan perubatan perlu disediakan dalam tempoh yang ditetapkan: *Hospital Negeri & Hospital Berpakar: 5-8 minggu *Lain-lain Hospital: < 2 minggu <i>(Pencapaian sehingga Jan. Pelaporan ditangguhkan bagi Julai-Disember 2021)</i>	100,682	108,238	93.02%
3.	87% pelanggan akan diluat oleh Pegawai Perubatan dalam tempoh masa 90 minit (melalui data TPC)	1,542,283	1,678,980	91.86%
4.	70% pesakit luar dipanggil untuk rawatan oleh Pegawai Penerimaan dalam tempoh 30 minit	2,408,399	2,734,998	88.06%
5.	95% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan perubatan yang diberikan.	56,621	57,563	98.36%
6.	95% preskripsi dilipis dalam tempoh 30 minit	32,197,333	33,140,633	97.15%


Pada pendapat anda, **mengapakah kajian kepuasan pelanggan perlu dilakukan di setiap organisasi termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia?** [10 markah]

Cadangan Jawapan

Melalui kajian ini, KKM dapat mengetahui tahap kepuasan pelanggan setelah menggunakan perkhidmatan hospital kerajaan. [1]
 KKM dapat mengetahui harapan pelanggan terhadap perkhidmatan pihak hospital kerajaan. [1]
 KKM boleh mendapat idea baharu daripada cadangan penambahbaikan perkhidmatan yang diberi oleh pelanggan hospital kerajaan. [1]
 Ia dapat bantu KKM untuk kenal pasti kekuatan dan kelemahan yang ada dalam perkhidmatan hospital kerajaan. [1]
 Perkara ini dapat bantu KKM untuk menambahbaik perkhidmatan hospital kerajaan. [1]
 KKM dapat mengetahui kemudahan yang perlu ditambah dalam hospital kerajaan. [1]
 KKM dapat membentuk budaya kerja berintegriti dalam kalangan kakitangan hospital. [1]
 Ini seterusnya dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan hospital kerajaan. [1]
 Pelanggan akan berasa yakin dengan perkhidmatan hospital kerajaan. [1]
 Kepuasan pelanggan terhadap hospital kerajaan dapat ditingkatkan. [1]
 Perkara ini dapat meningkatkan imej, kredibiliti dan reputasi hospital kerajaan. [1]
 Dengan ini, visi dan misi hospital kerajaan dalam memberi perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat jelata akan tercapai. [1]

PELANCONGAN

- 18 Gambar di bawah menunjukkan contoh kempen pelancongan yang dianjurkan oleh kerajaan.



Sektor pelancongan memainkan peranan utama untuk menaikkan nama negara di mata dunia. Huraikan **langkah-langkah** yang boleh diambil oleh **kerajaan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di peringkat global.**

[10 markah]

Cadangan Jawapan

Kerajaan boleh memajukan konsep ekopelancongan. [1]

Ini kerana, Malaysia memang kaya dengan keindahan alam semulajadi. [1]

Antaranya, hutan hujan tropika, pulau-pulau, pantai-pantai serta taman laut yang indah. [1]

Ini ditambah dengan kawasan tanah tinggi yang cantik pemandangannya seperti Cameron, Genting dan Kundasang. [1]

Kerajaan juga boleh membangunkan konsep inap desa. [1]

Keunikan kampung di Pahang, Sabah, Sarawak, Terengganu mampu menarik perhatian pelancong asing untuk berkunjung ke negara kita. [1]

Inap desa mampu menarik pelancong asing yang ingin menjauhi kesibukan bandar dengan tinggal bersama keluarga yang dipilih dan pelajari budaya masyarakat luar bandar di Malaysia. [1]

Kerajaan boleh beri perhatian kepada konsep agro pelancongan. [1]

Ini kerana negara Malaysia memang kaya dengan hasil pertanian dan mempunyai hasil bumi yang subur. [1]

Antara aktiviti yang dapat sambutan pelancong asing adalah lawatan ke dusun buah-buahan tempatan dan ladang ternakan lembu dan kambing di negara kita. [1]

Di sana, pelancong asing boleh lihat sendiri proses penanaman pokok dan memetik buah serta merasa sendiri buah-buahan tempatan seperti durian. [1]

Kerajaan boleh giatkan usaha penganjuran serta menyertai karnival pelancongan di seluruh dunia.[1]

Contohnya, kempen Tahun Melawat Malaysia.[1]

Kerajaan perlu promosikan pakej-pakej pelancongan yang kompetitif kepada masyarakat global. [1]

Kerajaan boleh menganjurkan acara sukan antarabangsa. [1]

Contoh, Monsoon Cup, Formula 1, Le Tour De Langkawi. [1]

KEPRIHATINAN TERHADAP ORANG KURANG UPAYA (OKU)

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan aduan dalam ruangan surat pembaca dalam akhbar tempatan.

Saudara pengarang,

Saya mewakili tiga orang graduan OKU yang tidak ditawarkan pekerjaan oleh pengurus sebuah syarikat telekomunikasi walaupun kami mempunyai kelulusan dalam bidang masing-masing berkaitan telekomunikasi.

Selepas dihubungi, alasan yang diberikan oleh pengurus tersebut ialah syarikatnya tidak mempunyai kemudahan untuk pekerja OKU.

Graduan OKU

Pada pendapat anda, wajarkah tindakan pengurus syarikat telekomunikasi tersebut? [10 markah]

Cadangan Jawapan

Tidak wajar. [1]

Pengurus Syarikat Telekomunikasi perlu memberi peluang yang sama rata kepada OKU untuk memperoleh pekerjaan seperti insan sempurna yang lain. [1]

Pekerja OKU mempunyai kelulusan akademik dan memiliki kemahiran tersendiri wajar diberi peluang untuk buktikan keupayaan mereka. [1]

Pengurus syarikat tidak boleh menafikan peluang mereka semata-mata atas dasar kekurangan fizikal mereka. [1]

Pengurus harus peka dan mematuhi dasar kerajaan semasa. [1]

Dasar kerajaan terkini menetapkan 1% OKU mesti diberi peluang kerja dalam syarikat. [1]

Pematuhan dasar ini akan memberi imej baik kepada syarikat. [1]

Selain itu, syarikat juga akan mendapat beberapa insentif daripada pihak kerajaan apabila mengambil pekerja OKU. [1]

Antaranya, syarikat dapat pelepasan cukai pada kadar tertentu apabila mereka mengupah OKU bekerja dan memberi latihan kemahiran kepada pekerja OKU. [1]

Seperkara lagi, syarikat dapat nikmati potongan tunggal bagi sebarang kos pengubahsuaian kemudahan syarikat bagi kepentingan pekerja OKU seperti penyediaan kemudahan tandas OKU, peralatan khas untuk OKU bekerja dan sebagainya. [1]

Pengurus harus menghormati hak golongan pekerja OKU. [1]

Pekerja OKU berhak untuk jalani kehidupan biasa seperti insan sempurna lain iaitu dapat menjana pendapatan dengan usaha mereka sendiri. [1]

ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA

20 Berikut adalah salah satu tema Hari Alam Sekitar Negara.



ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Huraikan peranan anda dalam merealisasikan tema tersebut. [10 markah]

Cadangan Jawapan

- Saya akan menyertai dan menjayakan sambutan Hari Alam Sekitar Negara. [1]
- Saya akan kongsi info sambutan Hari Alam Sekitar Negara dalam laman sosial peribadi saya. [1]
- Saya akan menyertai kempen-kempen alam sekitar yang dianjurkan oleh pihak sekolah, badan kerajaan dan juga Pertubuhan Bukan Kerajaan. [1]
- Saya akan mengajak rakan serta ahli keluarga saya untuk turut serta menjayakan kempen alam sekitar. [1]
- Saya akan menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran. [1]
- Saya tidak akan melakukan aktiviti pembakaran terbuka. [1]
- Saya akan menanamkan pokok di halaman rumah saya. [1]
- Saya akan amalkan budaya 5R dalam kehidupan seharian saya. [1]
- Saya akan amalkan budaya pengasingan sampah dalam rumah saya. [1]
- Saya tidak akan membazirkan elektrik. [1]
- Saya tutup suis dan cabut plag peralatan elektrik yang tidak digunakan. [1]
- Sayautamakan penggunaan bahan mesra alam iaitu biodegradasi. [1]
- Saya akan bawa bekas makanan sendiri semasa beli dan isi makanan di restoran. [1]

KEUNIKAN PROGRAM RUMAH TERBUKA

- 21 Gambar di bawah berkaitan dengan salah satu Program Rumah Terbuka di Malaysia.



Huraikan keunikan program rumah terbuka perayaan di negara kita. [10 markah]

Cadangan Jawapan

Keunikan pakaian yang dipakai semasa hadiri rumah.[1]

Rakyat Malaysia gemar memakai pakaian tradisional masing-masing tetapi mengikut warna tema perayaan.[1]

Contoh, gadis India memakai sari berwarna merah semasa hadiri rumah terbuka rakan Cina.[1]

Namun, ada juga yang suka kelainan dengan memakai pakaian tradisional kaum lain. [1]

Contoh, gadis Cina dan India memakai baju kurung semasa hadiri rumah terbuka rakan Melayu. [1]

Perkara ini membuktikan keunikan ikatan perpaduan kaum di negara kita.[1]

Selain itu, keunikan menu makanan yang disediakan semasa rumah terbuka.[1]

Semasa rumah terbuka kaum Cina, makanan dipelbagaikan mengikut citarasa semua kaum. [1]

Contohnya, sate disediakan dalam rumah terbuka Tahun Baharu Cina. [1]

Perkara ini membuktikan rakyat Malaysia saling memahami antara satu sama lain. [1]

Keunikan seterusnya, rumah terbuka di Malaysia juga dikunjungi oleh para pelancong asing. [1]

Contohnya, rumah terbuka perdana di Dataran Merdeka anjuran kerajaan adalah aktiviti tahunan yang sentiasa dinanti-nantikan oleh ribuan pelancong asing untuk melawat negara kita. [1]

PEMBELIAN ATAS TALIAN

- 22 Gambar berikut berkaitan dengan contoh amalan norma masyarakat global dewasa ini.



Huraikan langkah-langkah yang patut diambil oleh pengguna supaya dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan melalui transaksi di atas berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai rasional.
Nilai bertanggungjawab.
Nilai kesederhanaan.

Pengguna perlu semak status pendaftaran syarikat.
Contoh, mereka rujuk Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sama ada syarikat tersebut berdaftar secara sah.
Mereka harus pastikan laman web yang dilayari adalah sah.
Misalnya, mereka rujuk laman SCAM.MY atau Jabatan Siasatan Jenayah.
Mereka perlu semak akaun bank syarikat.
Pengguna perlu baca testimoni dan komen pelanggan.
Mereka boleh minta pandangan kawan yang selalu beli dalam talian.
Pengguna boleh pilih kaedah COD (Cash on Delivery) iaitu bayar semasa barang dihantar.
Mereka perlu simpan resit atau sebarang bukti transaksi dalam talian yang dilakukan.

PENGGUNAAN SUMBER DAN PENYEBARAN MAKLUMAT

- 23 Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sentiasa memberi nasihat dan peringatan kepada netizen di negara kita supaya **berhemah ketika menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat di ruang siber**. KKMM sentiasa mengingatkan para netizen supaya menjiwai prinsip Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan ketika berada di ruang siber agar kesejahteraan sejagat tidak terganggu.

Huraikan **peranan anda** untuk merealisasikan harapan KKMM di atas berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

Nilai rasional.[1]

Nilai bertanggungjawab.[1]

Nilai kejujuran.[1]

Nilai kebebasan.[1]

Nilai hormat.[1]

Saya perlu elakkan insiden menyentuh isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan dalam negara.[1]

Saya tidak patut menokok tambah maklumat yang diterima sehingga mengundang konflik perkauman.[1]

Saya perlu elakkan perbuatan menyebarkan maklumat palsu dan tidak tepat.[1]

Saya tidak patut berkongsi sebarang maklumat yang diragui atau tidak pasti kesahihannya.[1]

Saya perlu elakkan perbuatan memfitnah dan memburuk-burukkan pihak lain.[1]

Saya tidak patut menulis komen negatif terhadap mana-mana individu dalam media sosial.[1]

Saya harus elakkan insiden penyelewengan data atau maklumat.[1]

Saya tidak patut eksploitasi maklumat mana-mana individu atau mana-mana organisasi untuk kepentingan diri sendiri.[1]

Saya tidak patut menggodam dan menyebarkan maklumat sulit.[1]

Saya tidak harus mencipta akaun dan indentiti palsu untuk menceroboh maklumat untuk kepentingan peribadi.[1]

KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

- 24 Gambar di bawah menunjukkan suasana sambutan perayaan pelbagai agama dan etnik di Malaysia.



Bagaimanakah rakyat Malaysia dapat menerima sambutan perayaan tersebut dengan baik? Jelaskan. [10 markah]

Cadangan Jawapan

Rakyat Malaysia ingin mengekalkan perpaduan bagi mewujudkan sebuah negara yang aman dan makmur. [1]

Rakyat Malaysia ingin mengekalkan keunikan Malaysia sebagai negara harmoni walaupun didiami oleh masyarakat pelbagai kaum. [1]

Rakyat Malaysia ingin hidup berbaik-baik dengan semua kaum. [1]

Rakyat Malaysia ingin pelajari adat resam pelbagai kaum. [1]

Hal ini penting bagi meningkatkan kefahaman budaya pelbagai kaum. [1]

Dengan ini, rakyat Malaysia dapat menerima dan menghormati keunikan semua kaum. [1]

Rakyat Malaysia tidak memandang rendah terhadap adat dan kepercayaan kaum lain. [1]

Rakyat Malaysia bertolak ansur semasa perayaan kaum lain seperti menerima situasi kesesakan lalulintas ketika perarakan agama kaum lain. [1]

Rakyat Malaysia ingin kekalkan amalan perpaduan yang diwarisi turun temurun seperti menghadiri rumah terbuka semasa musim perayaan. [1]

Inisiatif menyambut perayaan pelbagai kaum secara bersama menarik pelancong asing. [1]

Hal ini akan meningkatkan imej Malaysia di persada antarabangsa. [1]